MOHAMED JALANI MOHAMAD SIDEK

Haji Jalani Sidek (lahir 10 November 1963 di Banting, Selangor) merupakan bekas pemain badminton yang merangkul pingat gangsa bersama abangnya, Razif dalam perlawanan beregu pada Sukan Olimpik 1992. Anak-anak Sidek menjadi pemenang pingat Olimpik yang pertama untuk negara mereka sejak penyertaan pada temasya 1956 di Melbourne. Semasa perjalanan karier dengan abangnya Razif, mereka memenangi beberapa gelaran kejohanan tempatan dan antarabangsa. Detik paling bersejarah semasa beliau menjadi pemain termuda yang memenangi gelaran Kejohanan Seluruh England pada 1982.



Selepas bersara sebagai pemain badminton, beliau mengasaskan sebuah kelab badminton bagi mencari bakat pemain baru, yang dipanggil Kelab Nusa Mahsuri, yang mana beliau menjadi penasihat sejak 1996. Beliau bertanggungjawab dalam perkembangan adik beradik Hashim, Roslin dan Hafiz yang menjadi pemain badminton kebangsaan Malaysia.

.

Zaman Kanak-kanak

Jalani juga tidak mahu ketinggalan mengikut jejak langkah abang-abangnya . Jailani seorang yang tegas, tidak mudah dipengaruhi dan sukar mempercayai sesiapa. Beliau juga merupakan anak Haji Sidek yang paling banyak mendapat perhargaan dalam bidang sukan semasa sekolah rendah. Bukan sahaja badminton, malah bola sepak dan sepak takraw juga merupakan sukan yang pernah beliau terlibat semasa peringkat sekolah. Keutamaan pada sukan badminton bermula setelah melihat kejayaan abang-abangnya Razif dan Misbun melakar pelbagai kejayaan di peringkat usia masing-masing. Jalani yang mempunyai daya tarikan sebagai pemimpin dengan sifat peramah dan sentiasa mengambil berat tentang perasaan orang lain terutamanya adik-beradiknya. Jalani ketika kecil lebih rapat bersama Misbun, dan sentiasa bersama Misbun sehingglah mereka dewasa.

Karier seterusnya

Jalani mula menunjukkan taring sebagai pemain badminton di terima bersekolah di Victoria Insitution, Kuala Lumpur, bersama abang-abangnya. Menerpa pelbagai kejayaan di peringkat usianya. Bermula dengan menjadi pemain perseorang dan kemudiaanya bertukar kepada pemain beregu bersama rakan-rakan lain sebelum berganding bersama Razif dan melakar pelbagai kejayaan di kejohanan tempatan dan antarabangsa.



Jailani pada tahun 1974

Razif dan Jalani Sidek: Beregu yang digeruni

Kesefahaman antara dua beradik ini digelar sebagai 'telepathic'. Kekuatan mereka ialah pertahanan dalam rali yang panjang, di mana pihak lawan yang kurang sabar pasti akan melakukan kesilapan.





Kenangan manis yang tidak dapat dilupakan semasa memenangi Piala Thomas pada tahun 1992.



Razif dan Jalani menjadi Juara kejohanan dunia pada tahun 1991 mengalahkan pasangan handalan dunia dari korea



JAWATAN

Presiden Kelab Badminton Nusa Mahsuri
(Mulai 1996 hingga 31 Disember 2002)

Jurulatih Kelab Badminton Nusa Mahsuri
(Mulai 1 Januari 1996 hingga sekarang)

Penasihat Kelab Nusa Mahsuri BC
[1 Jan 2003 hingga sekarang]

Pegawai Khas Kepada Presiden Persatuan Badminton Negeri Selangor
(Mulai Mei 2004 hingga sekarang)

PENCAPAIAN

1980

Pemegang Pingat Gangsa Beregu Lelaki Kejohanan Dunia (bersama Misbun), Jakarta

1982

Juara Bergu Lelaki All England
Juara Bergu Lelaki Piala Dunia

1983

Juara Bergu Lelaki Terbuka Kanada
Juara Bergu Lelaki Rerbuka Sweden
Naib Juara Bergu Lelaki All England

1985

Pemegang Pingat Emas Sea Games (Bangkok)
Tempat ke-3, Bergu Lelaki Terbuka Indonesia

1986

Juara Bergu Lelaki Akhir Grand Prix Dunia
Juara Bergu Lelaki Terbuka Malaysia
Juara Bergu Lelaki Terbuka Jepun
Juara Bergu Lelaki Terbuka Chinese Taipei
Naib Juara Bergu Lelaki Kejohanan Dunia
Naib Juara Bergu Lelaki Terbuka Indonesia
Tempat ke-3 Berpasukan Piala Thomas

1987

Pemegang Pingat Perak Bergu Lelaki Kejohanan Dunia (bersama Razif), Beijing
Naib Juara Bergu Lelaki Terbuka Malaysia
Tempat ke-3, Bergu Lelaki Terbuka Indonesia
Tempat ke-3,Bergu Lelaki Terbuka Jepun

1988

Juara Beregu Lelaki Kejohanan Dunia
Juara Beregu Lelaki Terbuka Indonesia
Juara Beregu Lelaki Terbuka Malaysia
Juara Beregu Lelaki Terbuka Australia
Naib Juara Berpasukan Piala Thomas
Naib Juara Bergu Lelaki Terbuka France



1989

Juara Bergu Lelaki Akhir Grand Prix Dunia
Juara Bergu Lelaki Terbuka China
Juara Bergu Lelaki Terbuka Hong Kong
Juara Bergu Lelaki Terbuka Chinese Taipei
Pemegang Pingat Emas berpasukan Sea Games
Naib Juara Bergu Lelaki All England
Naib Juara Bergu Lelaki Terbuka Denmark
Pemegang Pingat Gangsa Bergu Lelaki Kejohanan Dunia , Jakarta
Tempat Ke-3, Beregu Lelaki Terbuka Sweden

1990

Juara Bergu Lelaki Piala Dunia
Juara Bergu Lelaki Sukan Komanwel
Juara Bergu Lelaki Terbuka Indonesia
Juara Bergu Lelaki Terbuka Jerman
Naib Juara Berpasukan Piala Thomas
Pemegang Pingat perak berpasukan Sea Games
Pemegang Pingat Gangsa Bergu Lelaki Sea Games

1991

Juara Beregu Lelaki Akhir Grand Prix Dunia
Juara Beregu Lelaki Piala Dunia
Juara Beregu Lelaki Terbuka Jepun
Tempat Ke-3, Bergu Lelaki Terbuka Sweden

1992

Juara Berpasukan Piala Thomas
Pemegang Pingat Gangsa, Bergu Lelaki di Sukan Olimpik Barcelona

2006

Menerima Anugerah Malaysia Book of Records (pemain badminton Malaysia termuda memenangi kejuaraan Seluruh England (1982) dan atlet pertama Malaysia memenangi pingat sempena Sukan Olimpik di Barcelona, Sepanyol pada tahun 1992.Kedua-dua ini diperolehi menerusi gandingan bersama abangnya, Razif Sidek dalam acara bergu lelaki)